


EMBARGO SEHINGGA 8.00 MALAM 3 MAC 2018



## SIARAN MEDIA

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

### **MINGGU SAINS NEGARA DIANJURKAN UNTUK MENINGKATKAN KESEDARAN ORANG RAMAI MENGENAI KEPENTINGAN SAINS**

*Anugerah Khas STEM pertama kali diperkenalkan untuk mengiktiraf sumbangan signifikan dalam bidang STEM dan STI negara*

***BERMULA 1 HINGGA 7 APRIL 2018***

---

**KUALA LUMPUR, 3 MAC 2018** – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia hari ini melancarkan Minggu Sains Negara serentak di 13 lokasi seluruh negara bermula 1 hingga 7 April 2018.

Bertemakan ‘Negaraku Berinovasi’, acara ini dilaksanakan sebahagiannya bagi menyahut seruan YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Seri Najib Razak “untuk memupuk minat dan mengutamakan sains dalam setiap genap lapisan masyarakat”.

YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dalam ucapannya pada Majlis Pelancaran Minggu Sains Negara 2018 di Pusat Sains Negara hari ini menegaskan tentang kepentingan kemajuan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi (STI)

untuk melonjakkan Malaysia menjadi sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi terutamanya ketika negara melangkah ke era Revolusi Industri Ke-4.

Menurutnya, masyarakat kini bukan hanya sekadar menjadi kumpulan pengguna yang memanfaatkan teknologi terkini tetapi turut menjadi penyumbang kepada kemajuan teknologi tersebut.

Tambah beliau lagi, “minat terhadap bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) di kalangan generasi muda perlu terus dipertingkatkan bagi memastikan negara terus melahirkan generasi penyumbang kepada kemajuan teknologi sejagat. Justeru, kerajaan telah menetapkan satu minggu khas iaitu Minggu Sains Negara bagi penganjuran program kesedaran dan pembudayaan sains secara bersepadu dan besar-besaran. Sambutan Minggu Sains Negara ini adalah yang pertama kali diadakan dan pihak kementerian berharap agar sambutan ini akan menjadi acara tetap tahunan”.

Pada majlis ini, YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau turut menyampaikan tiga anugerah utama iaitu Anugerah Khas STEM yang baru pertama kali diperkenalkan, Anugerah Saintis Muda dan Anugerah Juruteknologi.

Anugerah Khas STEM diperkenalkan untuk mengiktiraf sumbangan signifikan dalam bidang STEM dan STI negara.

Anugerah Saintis Muda Negara pula adalah untuk mengiktiraf sumbangan dan pencapaian saintis muda dalam bidang kaji selidik dan pembangunan (R&D) dan STI.

Anugerah Juruteknologi pula mengiktiraf sumbangan berkaitan sains dan teknologi daripada juruteknologi serta kakitangan separuh ikhtisas.

Pemenang bagi anugerah-anugerah tersebut adalah... (TBC) dan mereka menerima hadiah berupa wang tunai, sijil dan plak. Beliau berharap anugerah-anugerah ini akan terus memberi inspirasi kepada saintis untuk memajukan bidang sains, teknologi dan inovasi (STI) negara.

Beliau turut mencadangkan satu pengiktirafan khas diberikan kepada tokoh saintis yang banyak berjasa dan mengharumkan nama negara di dalam bidang STI. Pengiktirafan ini sedang diperincikan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan akan diumumkan kelak.

Pelancaran Minggu Sains Negara di Pusat Sains Negara ini berlangsung serentak dengan pelepasan (*flag-off*) Kembara GoMore (Gomo) Sains di 12 daerah di Kelantan.

---

- TAMAT -

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Akmal Tujad 0129075372 [akmaltujad@mosti.gov.my](mailto:akmaltujad@mosti.gov.my)  
Azmi Majid 0176826205 [m.azmi@mosti.gov.my](mailto:m.azmi@mosti.gov.my)

---

### **MENGENAI MINGGU SAINS NEGARA 2018**

MINGGU SAINS NEGARA anjuran Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI) yang berlangsung dari 1 hingga 7 April adalah acara tahunan yang disambut bermula 2018.

Padat dengan pelbagai pengisian dan aktiviti, sambutan sepanjang minggu ini berlangsung serentak di 13 lokasi seluruh negara dengan lokasi utamanya di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur.

Penganjuran minggu atau hari sains ini telah dilaksanakan di beberapa buah negara maju seperti United Kingdom, Kanada dan Norway. Manakala negara seperti India dan Thailand memperuntukkan satu hari sahaja bagi sambutan hari sains.

Penganjuran program Minggu Sains Negara ini adalah selari dengan sambutan *World Science Day* yang dianjurkan oleh *United Nations Organization for Education, Science and Culture* (UNESCO) semenjak tahun 2002.